



**04 NOVEMBER HINGGA 30 DISEMBER 2020
SEMBANG SANTAI PASUKAN SUKAN UTHM**

- Unit Kecemerlangan Pelajar Pusat sukan Universiti telah menganjurkan program sembang santai melalui platform googlemeet bersama pasukan sukan UTHM yang telah diadakan secara bergilir mengikut pasukan dan jadual yang telah diberikan bermula November hingga 30 Disember 2020.

**09 NOVEMBER 2020
UTHM ESPORT TOURNAMENT**

- Tahniah diucapkan kepada para pemenang. Keputusan kejohanan adalah seperti berikut:
- Juara : The Marshall
Naib Juara : Halo Esports
Ketiga : CIAO Esports

OVERALL STANDINGS-MATCH 18			
RANK	TEAMS	TOTAL PTS	WWCD
1	MARSHALL	301	x6
2	HALO ESPORT	201	x2
3	CIAO	180	x2
4	MOV	179	x1
5	BEBAN	171	x2
6	DFX	134	x1
7	BUDAK CUTE	124	x1
8	TOXIC	115	x1
9	A.POTATOES	105	x1
10	KASI RATA	101	x1
11	BOTAK	68	x0
12	RYUKI	66	x0
13	PJJ	52	x0
14	TBR	43	x0
15	MTASN	32	x0
16	B.MAMBA	30	x0



**20 HINGGA 28 NOVEMBER 2020
UTHM STUDENT WORKOUT CHALLENGE 2020**

- Program UTHM Student Workout challenge 2020 6.3 KM anjuran Pusat Sukan Universiti. Penyertaan terbuka kepada pelajar UTHM sahaja. Inisiatif ini bagi menyemarakkan aktiviti gya hidup sihat dalam kalangan pelajar.

**22 NOVEMBER 2020
KEJOHANAN ESPORTS UNI LEAGUE 2020**

- Kejohanan Esports Uni League 2020 telah pun melabuhkan tirai dengan keputusan Pasukan UTHM berjaya memenangi 1 Pingat Perak menerusi acara Mobile Legends. Manakala pasukan PUBG Mobile UTHM berjaya menduduki tempat ke-5 daripada 16 pasukan bertanding. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan UTHM





**29 NOVEMBER HINGGA 5 DISEMBER 2020
JOM SIHAT 2020**

- Kolej Kediaman Tun Fatimah dengan kerjasama Pusat Sukan Universiti telah menganjurkan Program Jom Sihat.
- Program ini memberi tumpuan kepada pemakanan, asas-asas senaman dan tips ke aras membina gaya hidup sihat kepada para peserta.
- Peserta yang menunjukkan komitmen yang tinggi turut menerima saguhati daripada penaja.

**29 NOVEMBER 2020
KURSUS MAKANAN & KALORI**

- Pengajuran Kursus Makanan dan Kalori kepada staf UTHM. Ceramah telah disampaikan oleh Pn Lily Moha, yang merupakan Pegawai dietetik dan Jurulatih Metafit.
- Para peserta juga telah didedahkan dengan ilmu pemakanan yang sesuai untuk diamalkan oleh semua lapisan.



**01 DISEMBER 2020
WEBINAR SUKAN BERSAMA AZIZULHASNI AWANG**

- Pusat Sukan Universiti telah menganjurkan program Webinar Sukan bersama Azizulhasni Awang, Pelumba Basikal Trek Profesional Negara dengan memberi penekanan kepada topik Rahsia Kejayaan Akademik dan Sukan Di Peringkat Antarabangsa, Aplikasi Kepada Pelajar IPT.